

# Rasionalisasi Kemerdekaan

24/08/2020 08:07 AM

*Pendapat mengenai pelbagai isu semasa daripada peneraju pemikiran, kolumnis dan pengarang.*



*Oleh :*
***Mohamad Fhaizal Mohamad Bukhori***

"Merdeka yang kita tuntut ialah merdeka yang membawa kesenangan bukan sahaja pada masa ini malahan sehingga ke akhir zaman", Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah.

"Rakyat mesti bekerja keras, mempunyai keberanian, keyakinan dan kesediaan untuk berfikir menjangkau kebiasaan jika mereka mahu berjaya dalam mewujudkan sebuah masyarakat baharu", Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein.

"Tidak ada maknanya kekayaan, kemajuan dan kemakmuran jika rakyat berpecah-belah dan bergaduh sesama sendiri", Tun Hussein bin Dato' Onn.

Petikan kata-kata di atas mengingatkan kita kepada mod kepimpinan dan saranan pembentukan negara Malaysia pascamerdeka. Ini terutamanya pada tarikh 31 Ogos dan 16 September yang merupakan tarikh keramat yang pada saban tahun negara kita Malaysia akan menyambut dan meraikan Hari Kebangsaan atau Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia. Bersyukur kita ke hadrat Ilahi atas limpah kurnia, kasih dan sayang serta dengan izin Nya maka kita dapat terus menikmati